



Daing Nasir berjabat tangan dengan Alettin Duman sebagai tanda sepakat menjalinkan kerjasama dalam Majlis Menandatangani MoU antara UMP dengan MTDS di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/ BH]

# UMP teroka kerjasama dengan IPT Turki

BH (Varsiti) Khamis 11/4/13 ms 14

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit  
bhvarsiti@media-  
prima.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Malaysian Turkish Dialogue Society (MTDS) sebagai laluan merintis kerjasama

ma dengan institusi pengajian tinggi (IPT) di Turki menerusi rangkaian organisasi penyelidikan itu.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata kerjasama disasarkan dalam aktiviti penyelidikan, pertukaran pelajar, kakitangan dan program pembangunan akademik.

“Persefahaman ini membolehkan peluang terbuka luas bagi UMP menjalinkan kerja-

sama strategik dengan IPT di Turki khususnya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta pendedahan kepada budaya negara itu.

“Pejabat Antarabangsa UMP perlu menggalas tanggungjawab ini dalam mengenal pasti rakan strategik luar negara yang berpotensi untuk menjalinkan kerjasama,” katanya ketika berucap dalam Majlis Menandatangani MoU antara UMP dan MTDS di sini, baru-

baru ini.

Prof Daing Nasir dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Datuk Ir Dr Badhrulhisham Abdul Aziz dan mewakili UMP sementara MTDS diwakili Presidennya, Dr Alettin Duman dan Pengarah Pusat Akademik, Dr Anvarjon Ahmedov.

Yang turut hadir ialah, Pengarah Pejabat Antarabangsa UMP, Profesor Madya Dr Ainol Haryati Ibrahim.